



KENYATAAN MEDIA

ANUGERAH PENGHARGAAN MEDIA PEMBINAAN 2015: CIDB GALAKKAN LEBIH BANYAK PENCALONAN MEDIA

KUALA LUMPUR, 08 Jun: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bakal menanda sambutan ulangtahunnya ke-20 tahun ini dengan memberi penghargaan khas kepada para media atas sumbangan mereka dalam menyampaikan maklumat dan agenda pembangunan negara.

CIDB dan Kementerian Kerja Raya (KKR) berkolaborasi dengan Malaysian Press Institute (MPI) untuk menganjurkan Anugerah Penghargaan Media CIDB Sempena Malam Media KKR 2015 dengan menawarkan wang hadiah terkumpul berjumlah RM30,000 untuk media cetak, media elektronik termasuk on-line, dan fotografi.

Menurut Ketua Eksekutif CIDB, Dato Sri Ir. Prof. Dr. Judin Abdul Karim, sejak penubuhan CIDB 20 tahun lalu, pihak media sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang baik kepada CIDB untuk menyebarkan peranan dan pencapaiannya sebagai pemangkin industri pembinaan negara.

"Oleh yang demikian, bagi menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan CIDB kepada para pengamal media, CIDB sempena ulangtahunnya ke-20 pada tahun ini ingin mengiktiraf sumbangan pihak media menerusi karya-karya yang banyak meningkatkan kesedaran umum tentang isu-isu penting berkaitan sektor pembinaan seperti kelestarian, kualiti kerja, keselamatan dan kesihatan pekerja," katanya.

Justeru, jelasnya, CIDB mengalu-alukan lebih ramai penyertaan daripada para wartawan dan jurufoto yang berkalibar dan berjaya mengetengahkan isu pembinaan baik dalam bentuk video, berita, rencana, online mahupun gambar.

Anugerah yang akan berlangsung sempena Malam Media Kementerian Kerja Raya di tiga lokasi – Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching – dan acara kemuncak penyampaian kepada pemenang anugerah adalah pada 18 Sept 2015 di Kuala Lumpur.

Para pemenang dari Sabah dan Sarawak akan menerima anugerah masing-masing ketika berlangsungnya Malam Media KKR di kedua-dua negeri tersebut.

Anugerah Penghargaan Media CIDB dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu

1. **Anugerah Media Cetak (Berita & Rencana)**
2. **Anugerah Media Elektronik & Online Broadcasting (Berita & Rencana)**
3. **Anugerah Fotografi**

Pemenang pertama setiap kategori akan menerima RM5,000 manakala pemenang kedua dan ketiga masing-masing akan menerima RM3,000 dan RM2,000 berserta sijil penghargaan.

Penyertaan dibuka kepada semua wartawan media arus perdana dan hasil bahan yang diterbitkan daripada 1 Julai 2014 sehingga 30 Jun 2015. Semua penyertaan harus diterima oleh MPI, selaku urusetia anugerah tersebut, pada **15 Julai 2015**.

Maklumat lanjut dan borang "Anugerah Penghargaan Media CIDB" boleh diperolehi menerusi **<http://mpi.my/anugerah-media-cidb-sempena-ulang-tahun-ke-20-cidb>** atau menghubungi pegawai MPI, En. Salman Husni Abdollah ditalian 03 – 2095 2013 / 2095 2014 atau email terus ke bukitledangmpi@yahoo.com.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Abdul Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 03-40477018 / 012-6200 360
Noryani Ismail noryani@cidb.gov.my 03-40477027 / 019-285 6867